

23 MAY 2003

PAKEJ-KERJASAMA

JANGAN BERTANGGUH UNTUK BERBELANJA, KATA DATUK JJ

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis menggesa orang ramai supaya tidak menangguk rancangan berbelanja kerana kejayaan pakej ekonomi yang baru diumumkan memerlukan kerjasama semua pihak.

Rakyat perlu berbelanja samada untuk membeli barangan nilai besar seperti rumah atau keperluan harian manakala bank-bank perlu memberi pinjaman, katanya dalam program khas di RTM semalam tentang pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas.

"Kalau individu yang hendak membeli rumah menangguk pembelian mereka, yang hendak meminjam wang tidak membuat permohonan, dan bank tidak memberi pinjaman, sementara orang ramai tidak berbelanja, ia tidak akan berjaya," kata Dr Jamaludin.

"Apa yang perlu dilaksanakan ialah supaya kita wujudkan permintaan dan harapan kita rakyat Malaysia jangan menunggu. Kalau ada peluang beli rumah, mengapa tidak beli rumah," katanya.

Beliau juga memberitahu bahawa jumlah wang yang disuntik ke dalam pasaran dan disalurkan ke dalam ekonomi negara melalui pakej tersebut sebenarnya adalah RM11 bilion.

Selain daripada RM7.3 bilion dana yang diumumkan, iaitu daripada kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi-institusi perbankan kerajaan, sebanyak RM800 juta disuntik semula menerusi cukai yang tidak dipungut, RM2 bilion daripada jumlah cariman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dikutip dan selebihnya bonus yang didahulukan oleh syarikat-syarikat kerajaan, beliau menjelaskan.

Walaupun jumlah tersebut adalah besar, tidak timbul soal untuk membuat pinjaman dari luar negara.

Institusi-institusi perbankan kerajaan akan menerbitkan bon-bon yang akan dibeli oleh institusi pencen, kata Dr Jamaludin. Beliau menambah bahawa Malaysia bertuah kerana tabungan yang tinggi oleh rakyatnya.

Beliau juga berkata negara tidak perlu bimbang tentang ancaman inflasi akibat memasukkan dana yang besar ke dalam ekonomi kerana Malaysia mempunyai banyak sumber ekonomi.

Sementara itu, Dr Jamaludin juga berkata Kementerian Kewangan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengawasi perjalanan dasar-dasar yang telah diumumkan itu.

Kementerian itu juga bersetuju mengujut talian terus telefon pada 889 5386 atau 882 3454 untuk dihubungi pada waktu pejabat bagi melayan pertanyaan orang ramai, tambahnya. -- BERNAMA

MSL OS MKO JR SHY